

MSC-MAC pusat animasi global

BH-10/3/2007



MALAYSIA maju setapak lagi dalam bidang multimedia dengan penubuhan Pusat Animasi Malaysia (MSC-MAC) di Cyberjaya yang menyediakan pusat pembangunan dan penghasilan produk animasi serta kandungan digital grafik.

Ditempatan di Jabatan Multimedia Kreatif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), pusat itu turut menyediakan kemudahan suntingan visual audio serta penghasilan dan penerbitan program animasi bagi membolehkan Malaysia meraih sebahagian daripada perniagaan global bidang terbabit bernilai RM2.1 trilion.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata apabila dilaksanakan, kelak industri animasi negara akan lebih berkembang dan mampu menghasilkan program yang

mempunyai karektor dan budaya Malaysia untuk diedarkan ke seluruh dunia.

“Mungkin suatu hari nanti rancangan animasi berdasarkan kartunis negara Datuk Mohd Nor Khalid (Lat) akan diperluaskan ke seluruh dunia. Kita juga mungkin menggunakan orang utan sebagai karektor Malaysia untuk diperkenalkan ke peringkat antarabangsa.

“MDeC sebelum ini berjaya menghasilkan rancangan animasi *Sala-din*, iaitu kisah perjuangan wira Islam, Salahuddin Al-Ayubi pada kurun ke-12 hasil kreativiti rakyat tempatan sehingga mendapat pengiktirafan antarabangsa,” katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman dan perjanjian syarikat Malaysia dan Korea Selatan, di sini semalam.

Rancangan penubuhan MSC-MAC tercetus berikutan perbincangan Najib dengan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis serta Pengerusi MDeC, Tan Sri Abdul Halim Ali perbincangan dengan Korea Culture and Contents Agency (KOCCA) dan lawatan

ke Pusat Animasi Seoul, di sini, pagi semalam.

Dalam lawatan itu, Najib dan rombongan berpeluang meninjau Pusat Animasi Seoul yang berjaya membangunkan industri grafik digital untuk kartun dan animasi dalam tempoh 14 tahun sehingga mencapai taraf global. Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah MDeC, Datuk Kalimullah Hassan.

Najib berkata selepas kejayaan membangunkan infrastruktur dan merangka perundangan Koridor Raya Multi Media (MSC), fasa seterusnya ditumpukan kepada pembangunan industri digital kerana rakyat Malaysia sudah membuktikan kemampuan mereka dari segi kreativiti, bakat dan kemahiran menghasilkan kandungan digital, termasuk animasi.

“Apabila ada infrastruktur, latihan dan pembangunan dalam sektor pendigitalan menerusi pusat animasi kita, syarikat tempatan dapat menghasilkan animasi untuk keperluan industri global serta program hiburan dan permainan digital berteraskan budaya Malaysia,” katanya.